



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Emel : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

1 Ogos 2019

**KENYATAAN MEDIA YB DATUK DR NORAINI AHMAD,
PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT
SULONG DALAM UCAPTAMA SEMINAR JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA KOMANWEL (CAPAC) PADA 1
HINGGA 3 OGOS 2019.**

Kuala Lumpur: Langkah memperkasakan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) adalah kaedah terbaik dalam memastikan kawalan terhadap perbelanjaan kerajaan benar-benar mencapai matlamat demi kesejahteraan negara dan rakyat.

Pengerusi PAC Parlimen, Datuk Dr Noraini Ahmad berkata, proses reformasi Parlimen Malaysia dapat diukur dengan keberkesanan PAC memainkan peranan 'semak dan imbang' terhadap kerajaan.

Berucap di hadapan delegasi Seminar Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Komanwel (CAPAC) yang disertai lapan negara dari rantau ini di sini, hari ini, Dr Noraini berkata, pembaharuan Parlimen Malaysia dengan melantik Ahli Parlimen daripada parti pembangkang untuk menerajui PAC perlu diakui sebagai langkah tepat bagi PAC Parlimen memainkan peranannya dengan lebih berkesan.

Katanya, dianggotai 14 Ahli Parlimen daripada semua parti, jawatankuasa ini berfungsi sebagai jawatankuasa bipartisan dan menumpukan kepada usaha untuk memaksimumkan manfaat setiap perbelanjaan wang kerajaan untuk rakyat.

“Apabila semua ahli PAC bermesyuarat, mereka perlu menghilangkan fahaman politik masing-masing dan menumpukan usaha untuk memastikan setiap perbelanjaan wang kerajaan benar-benar memberikan manfaat rakyat.”

“Pada masa sama, unsur 3P iaitu Penyelewengan, Pemborosan dan Penyalahgunaan dalam setiap urusan kewangan kerajaan perlu dibasmi atau diminimalkan oleh setiap kementerian, jabatan serta agensi kerajaan,” katanya.

Dr Noraini yang juga Ahli Parlimen Wanita pertama dari parti pembangkang yang dilantik sebagai Pengerusi PAC Parlimen pada April lalu turut mengakui bahawa cabaran PAC Parlimen pada masa kini amat besar memandangkan rakyat semakin menuntut Jawatankuasa ini memainkan peranannya dengan lebih proaktif apabila terdapat isu membabitkan perbelanjaan kerajaan.

Katanya, ia dibuktikan dengan isu membabitkan tuntutan tunggakan bayaran balik GST berjumlah RM19.4 bilion yang memerlukan PAC Parlimen mengadakan 10 kali prosiding selama 11 bulan sebelum membentangkan laporannya ke Parlimen.

“Ini membuktikan tahap kepercayaan rakyat, ahli parlimen serta anggota pentadbiran kerajaan sendiri terhadap PAC amat tinggi.”

“Malah, Jawatankuasa ini, mempunyai punca kuasa yang amat luas dengan bukan sekadar terhad kepada Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat tetapi juga meliputi Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Am Bilangan II 1980,” katanya.

Dr Noraini juga memberi jaminan setiap siasatan yang dilakukan PAC melalui prosidingnya diadakan tanpa sebarang unsur takut atau menyebelahi mana-mana pihak.

Beliau berkata, kerjasama dan perpaduan semua Ahli PAC Parlimen amat baik seta harmoni dan ia dibuktikan dengan semua laporan yang dibentangkan diputuskan secara konsensus.

“Laporan PAC yang konsensus amat penting kerana ia membuktikan kredibiliti serta ketelusan jawatankuasa ini,” katanya.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Datuk Dr Noraini Ahmad
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)
Parlimen Malaysia